



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA RUNCIT TELUR AYAM STABIL, NASIONAL, SH -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
2.	VIETNAMESE SKIPPERS, CREWMEN FINED A TOTAL OF RM2.9 MILLION, NST -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6.	MASA UNTUK GERAK KEMBALI EKONOMI, HM -ONLINE CARI REZEKI AWAL PAGI, HM -ONLINE FAZA 2 PPN: PENIAGA DI PD TARIK NAFAS LEGA, DALAM NEGERI, UM -25 SMART TANI URUSKAN TANAMAN LEBIH EFISIEN, GAYA INOVASI, UM -20 & 21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga runcit telur ayam stabil

Harga semasa telur gred A adalah RM0.44, RM0.40 (gred B) dan RM0.36 (gred C)

Oleh TUAN BUQHAI RAH
 TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Harga purata runcit telur ayam berada pada kedudukan stabil, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menurusi kenyataannya, KPDNHEP memaklumkan harga semasa bagi gred A adalah RM0.44, RM0.40 (gred B) dan RM0.36 (gred C) pada Isnin lalu. Menurutinya, hasil pemantauan dan analisis yang diperoleh

daripada peringkat pengeluar dan pemborong oleh Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) mendedahkan harga jualan telur ayam gred A adalah pada harga antara RM0.37 hingga RM0.38 sebiji.

"Gred B dijual pada harga RM0.34 hingga RM0.38 manakala sekitar RM0.33 hingga RM0.37 bagi telur ayam gred C dengan masing-masing margin untung antara RM0.01 hingga RM0.03 setiap biji," katanya.

KPDNHEP berkata, pemantauan juga mendapati ada peniaga yang masih menjual pada harga yang lebih rendah daripada harga kos sehingga Julai 2021.

Katanya, harga runcit telur ayam yang dijual dalam kuantiti 30 biji lebih menjimatkan berbanding yang dijual dalam kuantiti 10 biji.

"Oleh itu, pengguna digalakan membuat pilihan bijak," katanya dalam kenyataannya pada Rabu.



Gred B dijual pada harga RM0.34 hingga RM0.38 manakala sekitar RM0.33 hingga RM0.37 bagi telur ayam gred C dengan masing-masing margin untung antara RM0.01 hingga RM0.03 setiap biji."

Kementerian itu berkata, pihaknya mengambil maklum laporan akhbar dan media sosial berhubung harga runcit telur ayam yang telah meningkat di pasaran berbanding bulan sebelumnya.

"Laporan tersebut selari dengan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)," katanya.

KPDNHEP berkata, purata harga runcit bagi ayam bersih standard juga stabil sejak Ahad had hingga Isnin lalu iaitu RM7.51sekitogram.

"Kementerian telah melaksanakan penguatkuasaan Ops Pasar (telur ayam) dan Ops Rantai (makanan ternakan

Menurut kenyataan tersebut, penguatkuasaan Ops Pasar telah memberi fokus kepada tiga sasaran utama telur ayam.

"Ini termasuklah pemeriksaan mengambil kira semua rantaian termasuk peringkat pengeluar, penternak, pemborong dan peruncit," katanya.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan harga telur ayam bagi Ogos mencapai paras tertinggi pada tahun ini dengan peningkatan melibatkan kesemua gred telur.



Laporan Sinar Harian pada Selasa.



26 AUG, 2021

Vietnamese skippers, crewmen fined a total of RM2.9 million

New Straits Times, Malaysia

Page 1 of 2

FISHING IN MALAYSIAN WATERS

Vietnamese skippers, crewmen fined a total of RM2.9 million

KOTA KINABALU: Two skippers of Vietnamese fishing vessels were fined RM1 million each, and their nine crew members fined RM100,000 each for fishing in Malaysian waters.

All 11 Vietnamese, who appeared in two separate groups, pleaded guilty before Sessions Court judge Elsie Primus.

The first group consisted of boat skipper Do Binh Thanh, and crewmen Danh Thanh Hoai, Ngu Yen Van Giang, Nguyen Van So, Tan Hung Xia, Do Bin Tung and Ngo Tuan Dat.

In the second group were boat skipper Nguyen Thanh Phung, and crewmen Nguyen Huu Su, Nguyen Van Thang and Phan Van Dat.

The skippers, aged 30 and 33, respectively, will serve four months in prison, and the crewmen three months if they fail to pay the fines.

The court ordered the vessels and equipment to be forfeited by the Malaysian government under Section 52(1)(a) of the Fisheries Act.

The Vietnamese were also ordered to be referred to the Immigration Department after paying their fines or having served their jail sentences.

The first group was arrested at 6.40am on May 24 this year inside a foreign vessel at Pulau Stragler, Kudat for fishing in Malaysian waters without a permit from the Fisheries Department director-general.

The four Vietnamese in the second group had committed a similar offence at 9.58am on April 14, near Pulau Mantanani, Kota Belud.

All of them were convicted under Section 15(1) of the Fisheries Act 1985. The offence is punishable under Section 25(a) of the same act read together with Section 34 of the Penal Code.

In mitigation, all of the unrepresented accused, who communicated through a Vietnamese interpreter, asked for leniency saying that they were from poor families and wished to return to their country as soon as possible.



26 AUG, 2021

Vietnamese skippers, crewmen fined a total of RM2.9 million

New Straits Times, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FISHING IN MALAYSIAN WATERS

KOTA KINABALU: Two skippers of Vietnamese fishing vessels were fined RM1 million each, and their nine crew members fined RM100,000 each for fishing in Malaysian waters. All 11 Vietnamese, who appeared in two separate groups, pleaded guilty before Sessions Court judge Elsie Primus.

26 AUG, 2021

MASA UNTUK GERAK KEMBALI EKONOMI

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



Bisnes

PENJAJAR memamerkan pelbagai jenis tanaman bunga untuk dijual kepada orang ramai di Pasar Tani Batu Kikir, Kuala Pilah yang mula beroperasi, semalam.

MASA UNTUK GERAK KEMBALI EKONOMI

Ahli ekonomi cadang lebih banyak sektor dibuka bagi pastikan PKS terus bertahan

Bernama

Kuala Lumpur

Memandangkan keadaan ketidakstabilan politik negara telah mereda dan kadar vaksinasi terus meningkat, tumpuan utama kini untuk menggerakkan kembali ekonomi serta membuka semula lebih banyak sektor bagi memastikan perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal bertahan, kata seorang ahli ekonomi.

Profesor Madya Ahmed Razman Abdul Latiff dari-

pada Putra Business School berkata, inisiatif pemberian bantuan pembayaran sekali kepada PKS mungkin tidak lagi berkesan sekarang kerana perniagaan perlu menjana pendapatan mereka sendiri untuk meneruskan kelangsungan hidup.

"Kita perlu memastikan ada kecairan dalam pasaran dan perniagaan dapat menjana pendapatan bagi menampung gaji pekerja mereka dan menghasilkan penganda ekonomi apabila menjalankan urus niaga."

"Ini hanya boleh dicapai dengan membukakan lebih banyak sektor ekonomi se-



Kita perlu memastikan ada kecairan dalam pasaran dan perniagaan dapat menampung gaji pekerja mereka dan menghasilkan penganda ekonomi apabila menjalankan urus niaga"

Ahmed Razman Abdul Latiff

cepat mungkin dan membenarkan orang ramai untuk bergerak antara daerah dan negeri, tetapi sudah tentunya tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP)," katanya pada program Mid-day Update Bernama TV, semalam.

Sementara itu, Ahmed Razman berkata, keyakinan pelabur tempatan mungkin kembali pulih apabila ketidakstabilan politik negara mereda dengan pelantikan perdana menteri baharu.

"Kita boleh lihat petandanya sekiranya anda melihat kepada bursa saham dan FTSE Bursa Malaysia

KLCI sejak dua hari lalu apabila ia meningkat di atas paras 1,500," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, pelabur asing mungkin mengambil pendekatan tunggu dan lihat kerana mereka mungkin mahu melihat dahulu bagaimana pembentukan kabinet kerajaan.

"Mereka mungkin juga mahu mengetahui apa yang akan dibentangkan di Parlimen bulan depan bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) serta Belanjawan 2022 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada Oktober," katanya.



26 AUG, 2021

MASA UNTUK GERAK KEMBALI EKONOMI

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PENIAGA mempamerkan pelbagai jenis tanaman bunga untuk dijual kepada orang ramai di Pasar Tani Batu Kikir, Kuala Pilah yang mula beroperasi, semalam.



26 AUG, 2021

Cari rezeki awal pagi

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 3



Cari rezeki awal pagi

NELAYAN tempatan bersiap untuk turun ke laut pada awal pagi di perkampungan nelayan sepanjang pantai Lubuk Temiang dan Tanjung Aru ketika tinjauan dalam tempoh pelaksanaan Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Labuan, kelmarin. Seiring dengan fasa pemulihan daripada belenggu pandemik yang melanda negara khususnya Labuan sejak hampir dua tahun ini, masyarakat kini dilihat perlahan-lahan mula menjalani kehidupan dalam suasana norma baharu.



SEBANYAK 326 katil disediakan untuk pesakit Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Stadium Negeri, Kuala Terengganu. Pembukaan PKRC terbabit dibuat sebagai langkah berjaga-jaga susulan peningkatan kes positif di negeri itu selain kemungkinan penutupan PKRC di pusat pengajian. - Gambar NST/GHAZALI KORI



26 AUG, 2021

Cari rezeki awal pagi

Harian Metro, Malaysia



PENIAGA menggantungkan jualan petalnya untuk dijual kepada orang ramai di Pasar Tani Batu Kikir, Negeri Sembilan yang mula beroperasi semalam. Aktiviti perniagaan pasar tani antara kebenaran beroperasi yang diumumkan oleh kerajaan bagi individu yang lengkap dua dos suntikan vaksin Covid-19 dalam negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN), namun dilagatkan sentiasa mematuhi SOP pemelakan pelup muka dan penjarakan fizikal.



SEORANG petugas dilihat menolak katil yang disediakan untuk pesakit Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Stadium Negeri, Kuala Terengganu.



26 AUG, 2021

Cari rezeki awal pagi

Harian Metro, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

NELAYAN tempatan bersiap untuk turun ke laut pada awal pagi di perkampungan nelayan sepanjang pantai Lubuk Temiang dan Tanjung Aru ketika tinjauan dalam tempoh pelaksanaan Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) di Labuan, kelmarin. Seiring dengan fasa pemulihan daripada belenggu pandemik yang melanda negara khususnya Labuan sejak hampir dua tahun ini, masyarakat kini dilihat perlahan-lahan mula menjalani kehidupan dalam suasana norma baharu.

Fasa 2 PPN: Peniaga di PD tarik nafas lega

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD
TARMIZI
utusannews@mediamula.com.my

PORT DICKSON: Peralihan Negeri Sembilan daripada Fasa 1 ke Fasa 2 dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula semalam ternyata mengembirakan semua khususnya golongan peniaga di daerah pantai peranginan di sini.

Rata-rata daripada mereka memaklumkan kebenaran penduduk di negeri ini untuk merentas bakal membolehkan pantai-pantai Port Dickson kembali meriah sekali gus membantu merancakkan lagi ekonomi penduduk setempat.

Seorang peniaga, **Shahimi Alias**, 61, berkata, dia berasa amat lega kerana rentas daerah dibolehkan yang secara tidak langsung memberi peluang kepada peniaga seperti untuk menambah pendapatan.

"Alhamdulillah ini yang ditunggu-tunggu, semoga dengan pembukaan rentas daerah ini dapat memberi peluang kami berniaga. Dengan kelonggaran yang diberikan sebelum ini juga pelanggan akan mula keluar mendapatkan barangan basah di pasar pagi."

"Walaupun hari ini (semalam) tidak ramai pelanggan namun ini pun kami sudah lega, kemungkinan dengan pembukaan rentas daerah, Port Dickson akan kembali meriah seperti dahulu," katanya ketika ditemui



SHAHIMI ALIAS



ABDUL RAHMAN ABDULLAH

pemberita pada program penyerahan Jalur Gemilang sempena sambutan bulan kebangsaan di Pasar Tani, Batu 4, dekat sini semalam.

Yang Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Pinang, Datuk Tun Hairudin Abu Bakar.

Kira-kita 150 bendera diberikan secara percuma dan diedarkan kepada peniaga dan orang ramai melalui Pejabat Penerangan Daerah Port Dickson.

Seorang lagi peniaga, **Abdul Rahman Abdullah**, 53, berkata, kelonggaran untuk aktiviti pasar tani juga memberikan kelegaan buatnya selepas beberapa bulan terpaksa menutup perniagaan.

"Memang rasa seronok dapat buka semula perniagaan, selepas rentas daerah dibuka esok, ke-

mungkinan ramai yang akan datang ke Port Dickson dapat kami dapat menambah pendapatan lagi," katanya yang berniaga pakai.

Sementara itu, **Abdullah Syukor**, 60, berkata, kebenaran semula merentas daerah akan merancakkan lagi ekonomi di daerah ini.

"Ia pengumuman yang sangat baik daripada kerajaan, kalau ia elok dan ada kebaikan kepada peniaga dan pelanggan seperti saya, apa salahnya."

"Saya juga risau tentang penularan Covid-19 apabila ramai yang akan datang ke Port Dickson semula untuk melancong tetapi saya rasa rakyat sudah faham dan boleh mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sedia ada," katanya.



TUN Hairudin Abu Bakar (dua dari kanan) menyerahkan Jalur Gemilang kepada peniaga di Pasar Tani, Batu 4, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

SM4RT TANI uruskan tanaman

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamulla.com.my

BIDANG pertanian kini bukan seperti dahulu lagi. Ia mengalami pelbagai revolusi seiring kemajuan teknologi bagi meningkatkan hasil serta memudahkan operasi.

Jadi, tidak hairan bidang itu kini semakin mendapat perhatian daripada golongan muda untuk mengusahakan tanah sebagai salah satu sumber pendapatan.

Terus merancang lagi bidang berkenaan, syarikat Singularity Aerotech (SAT) tampil dengan sistem pertanian digital baharu, SM4RT TANI. Ia bagi membantu petani menguruskan penanaman dengan lebih efisien dan teratur.

Sistem yang dibangunkan sekitar dua tahun itu mendapat sambutan baik para petani dan peladang. Lebih-lebih lagi dalam kalangan pengusaha muda yang melihat ia sebagai alat bantu untuk menguruskan ladang dengan lebih efektif.

Direka khas berasaskan Internet Segalanya (IoT), sistem agrikultur ini menggunakan sensor dan rangkaian untuk mengumpulkan data daripada tanah dan keadaan sekeliling.

Ia bagi membolehkan maklumat pertanian diakses di hujung jari menggunakan telefon pintar.

Pengasasnya, Hafeiz Hassan berkata, platform itu membolehkan petani memperoleh maklumat dan bacaan tepat mengenai tanaman dalam masa nyata bagi memaksimumkan kecekapan dan hasil.

Dengan menggunakan Rangkaian Zero-G Sigfox dan sambungan IoT lain, sistem ini memastikan petani mempunyai akses kepada pemantauan cuaca masa nyata, kawalan perosak, penggunaan baja, pemantauan tanaman dan banyak lagi.

Pada awalnya, kata beliau, sistem itu dibangunkan bagi menyelesaikan beberapa isu yang dihadapi oleh rakan petani tanaman nanas. Antara isu yang mereka hadapi adalah penggunaan baja yang terlalu tinggi, kerosakan tanaman akibat banjir serta jangkitan penyakit.

"Jadi, kami telah berbincang dengan beberapa syarikat yang menyediakan perkhidmatan sensor dan kemudiannya membangunkan sistem ini di tapak tanaman nanas di Hulu Bernam, Selangor.

"Aplikasi sistem ini adalah dengan menanam sensor berkenaan di setiap plot tanaman. Apa yang kita dapati apabila sensor ini dipasang, ia dapat memberi maklumat mengenai keperluan baja yang secukupnya.

"Selain itu ia dapat mengesan sekiranya bakal berlaku banjir di kawasan berkenaan. Maklumat dapat

WAKIL SAT bersama salah seorang pengusaha penanaman nanas di Kedah, Zulkaifi Saikin.



“ Apa yang kita dapati apabila sensor ini dipasang, ia dapat memberikan maklumat mengenai keperluan baja yang secukupnya selain dapat mengesan sekiranya bakal berlaku banjir di kawasan berkenaan. Maklumat dapat diakses melalui telefon pintar, tablet dan sebagainya. ”

HAFEIZ HASSAN

PERANTI Stesen Cuaca yang mampu memberi bacaan cuaca setempat secara tepat.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	21

n lebih efisien



KETUA Pengembangan Pemilagaan SAT, ANW Badrullhisham menunjukkan demonstrasi SM4RT TANI kepada pengusaha.

diakses melalui telefon pintar, tablet dan sebagainya," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Justeru, penilaian hasil mendapati dalam masa satu kitaran penanaman dapat mengurangkan penggunaan baja sehingga 20 hingga 30 peratus.

Malah, kejadian pokok rosak akibat banjir juga dapat dielakkan dengan kehadiran fungsi stesen cuaca masa nyata yang mengesan perubahan cuaca.

Keadaan itu sekali gus menyumbang peningkatan hasil sebanyak 10 hingga 15 peratus bagi setiap ekar kawasan penanaman.

"Setakat ini kita memasang sensor ini di 10 kawasan pertanian di seluruh Malaysia iaitu Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Kedah.

"Amat membanggakan lebih daripada separuh jumlah petani itu terdiri daripada golongan muda yang komited mahu

mengaplikasikan pertanian digital untuk mendapatkan hasil lebih lumayan," tambahnya.

FLEKSIBEL

Selain penanaman nanas, sistem ini juga dibangunkan dengan ciri-ciri fleksibel yang membolehkan ia digunakan di pelbagai lapangan seperti akuakultur.

Ia direka untuk

memenuhi keperluan unik setiap pengguna dan hanya memberikan maklumat khusus berkaitan dengan jenis tanaman atau ternakan.

Oleh itu, ia turut digunakan dalam penternakan ikan dan udang kara untuk membantu memberikan kaedah ternakan yang lebih berkualiti.

URUS TANI

Bagi melengkapkan lagi pertanian pintar, sistem pengurusan ladang digital, Urus Tani turut dibangunkan di bawah syarikat yang sama. Sementara SM4RT TANI memberikan data-data penting persekitaran ladang, Urus Tani berperanan merekod segala data operasi termasuk inventori, tenaga pekerja serta pengurusan pelan.

Ia dibangunkan dengan teknologi antara muka pengguna yang mematuhi standard pengurusan pertanian seperti myGAP, platform ini mampu melengkapkan sistem SM4RT TANI untuk mewujudkan pertanian pintar yang holistik.

"Aplikasi ini akan membekalkan maklumat kepada pekerja mengenai pekerjaan di ladang, mengumpul maklumat mengenai penggunaan baja, hasil tuaian, rekod jualan dan banyak lagi yang pastinya akan membantu pengusaha untuk meluaskan penanaman pada masa akan datang," tambah Hafeiz.

